



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 53
No. 19

23hb September 2010

TAMBAHAN
No. 1

No. 77.

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAIN

Saya, Maslina binti Che Lin @ Halim, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 30 September 2010 pada 10.00 pagi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM247,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Empat Puluh Tujuh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada *pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM667,254.05. Nama pemegang gadaian—CIMB Bank Berhad.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

174

[23hb Sept. 2010]

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM24,700.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu Tujuh Ratus Sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena bayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 28 Januari 2011 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang dinyatakan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Utan Uji. No. Lot—2943. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2383. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1138, Jilid 3, Folio 47.

Bertarikh 22 Jun 2010
[PTG.Ps.(R) 1/80F 1768(25A)]

MASLINA BINTI CHE LIN @ HALIM
*Penolong Pentadbir Tanah
Pengarah Tanah dan Galian
Perlis*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA